

Qariah Malaysia antara 10 peserta perdengarkan bacaan

UM 3 1 OCT 2014

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Qariah Malaysia, Fasiah Hashim adalah antara 10 peserta **memperdengarkan** bacaan **masing-masing** pada malam terakhir **Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-43** di **Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)** di **sini malam ini**.

Peserta pertama **memperdengarkan** bacaan ialah qari Vietnam, **Ahmad Mach**, diikuti oleh qariah Thailand, **Jintana Wongsahag**; qari Metassim **Metussin (Brunei)**, qariah **Sariyah Abdul Hamid @ Mit Sary (Kemboja)** dan qari **Abdul Latif H. Daud (Filipina)**.

Qariah dari Myanmar, **Ma Mu Mu Than** adalah peserta **keenam** **memperdengarkan** bacaan, diikuti oleh qari **Abdulhamid Sengkajaree (Thailand)**, **Fasihah (Malaysia)**, qari **Abdullah Khalid Mohammad Ibrahim Al-Abdul Munem (Kuwait)** dan **Ahmad Elhadi Abdullah Alalem (Libya)**.

Ahmad Mach membaca **Surah an-Nisa** mulai ayat 94; **Jintana**

(**Lukman: 12**), **Metassim (al-Namli: 1)**, **Sariyah (as-Syura: 1)**, **Abdul Latif (ar-Rum: 40)**.

Qariah **Ma Mu Mu Than** **memperdengarkan** bacaan **Surah al-An'am** mulai ayat 128; **Abdulhamid (ah-Imran: 77)**, **Fasihah (an-Nisa: 29)**, **Khalid (al-Ahzab: 9)** dan **Ahmad Elhadi (an-Nahl: 90)**.

Majlis tilawah itu juga **diserikan** dengan persembahan oleh **gabungan empat kumpulan** nasyid iaitu **kumpulan Nurul Amar, Zabariqad, Darus' Saadah** dan **al-Ajiba**.

Semua 52 peserta dari 32 negara iaitu 33 qari dan 19 qariah telah **memperdengarkan** bacaan **pada tilawah** yang **bertema** 'Perpaduan Pemangkin Pembangunan **Ummah**' sejak 25 Oktober lalu.

Malam esok, **Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin** dijadual berangkat ke majlis penutup dan **penyampaian** hadiah **untuk** pemenang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dijangka **hadir sama**.